

N.S. P.U. 14.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM
(NEGERI SEMBILAN) 2003

[Enakmen No. 10/2003]

PEMBERITAHUAN FATWA

AJARAN MAKRFAT OLEH ISMAIL BIN ARIFFIN (LEPAT)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar dan dengan persetujuan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin, mengeluarkan fatwa seperti yang berikut:

1. Bahawa ajaran makrifat yang dibawa oleh Ismail bin Ariffin (Lepat) adalah bercanggah dan bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Ciri-ciri penyelewengan ajaran makrifat ini adalah seperti yang berikut:
 - (a) Akidah
Kefahaman yang dibawa oleh Ismail bin Ariffin (Lepat) ini menyerupai fahaman *mujassimah* dan *mushabbihah* serta kecenderungan kepada konsep *hulul* dan *ittihad* yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - (b) Syariah
Ajaran makrifat oleh Ismail bin Ariffin (Lepat) mempunyai unsur-unsur batiniah kerana wujudnya kecenderungan meremehkan pensyariatan solat dan menghuraikan ibadah solat yang bertentangan dengan syariat Islam.
 - (c) Tasawuf
Ajaran makrifat oleh Ismail bin Ariffin (Lepat) mengandungi unsur-unsur yang memisahkan hubungan antara syariat, hakikat dan makrifat serta tidak menepati ilmu tasawuf dan makrifat yang sebenar menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah.
 - (d) Penafsiran Ismail bin Ariffin (Lepat) terhadap ayat-ayat al-Quran dalam ilmu makrifatnya menggunakan logik akal, tidak menepati konteks ayat-ayat tersebut dan tidak bertepatan dengan tafsiran muktabar Ahli Sunnah Wal Jamaah.
3. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan bersetuju memutuskan mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau secara berkumpulan adalah dilarang —
 - (a) menganut, mengamal, menjadi ahli atau pengikut ajaran makrifat oleh Ismail bin Ariffin (Lepat);

- (b) mengajar menyebar, membantu, menganjur, mempromosi ajaran atau menghadiri apa-apa majlis atau perjumpaan yang dikaitkan dengan ajaran makrifat oleh Ismail bin Ariffin (Lepat); atau
 - (c) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem atau apa-apa bahan yang dikaitkan dengan ajaran makrifat yang dibawa oleh Ismail bin Ariffin (Lepat).
4. Mana-mana orang Islam adalah dilarang daripada bersubahat dalam melakukan mana-mana perkara yang dilarang dalam perenggan 3.
 5. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan ajaran makrifat yang dibawa oleh Ismail bin Ariffin (Lepat) adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan daripada Allah S.W.T.

Dibuat 20 September 2023

[JMKNN.S.BPK.100-32/1; PUNS 100/2/4 Jld. 2]

PROF. MADYA DR. FAUDZINAIM BIN BADARUDDIN
*Mufti Kerajaan Negeri
Negeri Sembilan*

Hakeipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disebarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA
WJW23/1187 23-11-2023